

Pemuda Umno Johor Anjur 'Himpunan Menjunjung Taat Setia' 10 Jun Ini
Bernama
2 Jun, 2012

JOHOR BAHRU, 2 Jun (Bernama) -- Pemuda Umno Johor akan menganjurkan 'Himpunan Menjunjung Taat Setia' di Istana Pasir Pelangi di sini pada 10 Jun ini sebagai tanda sokongan rakyat terhadap Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Ketua Pemuda Umno Johor Mohd Fadil Maskon berkata himpunan yang disertai lebih 300 badan bukan kerajaan dari seluruh negeri itu juga diadakan sebagai tanda amarah terhadap tindakan Timbalan Pesuruhjaya PAS Perak Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin yang mempertikaikan bidaan nombor pendaftaran WWW 1 oleh baginda.

Beliau berkata himpunan itu yang akan disertai lebih 5,000 orang, termasuk sayap parti Barisan Nasional, adalah sebagai tanda sokongan rakyat Johor kepada baginda dalam menghadapi apa jua isu serta menyatakan kesediaan rakyat Johor pertahankan institusi diraja daripada diperkotak-katik.

Sehubungan itu, Mohd Fadil, yang ditemui dalam sidang media khas yang diadakan di sini hari ini, menyeru semua rakyat Johor agar sama-sama menyertai himpunan yang akan diadakan pada 12 tengah hari bagi menyatakan taat setia kepada Sultan Johor.

Fadil berkata rakyat Johor merasa amat sedih dan terhina dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Mohammad Nizar dan sehubungan itu mendesak beliau supaya segera meminta maaf kepada rakyat Johor kerana mendatangkan kemarahan dan fitnah itu.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=670539>